

**SPR Diminta Cari Jalan Bolehkan Rakyat Sarawak, Sabah Yang 'Terkandas'  
Mengundi  
Bernama  
22 April, 2013**

KUCHING, 22 April (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mencari jalan untuk membolehkan rakyat Sarawak dan Sabah yang menuntut, bekerja atau menetap di Semenanjung, menunaikan hak mereka sebagai pengundi, kata pemimpin Movement for Change, Sarawak (MoCS) Francis Siah.

Beliau mencadangkan kepada SPR supaya membenarkan pemilih dari dua negeri berkenaan mengundi di pejabat suruhanjaya itu di seluruh negara.

"SPR dan banyak kumpulan lain sering menyeru rakyat Malaysia supaya mendaftar sebagai pemilih. Apa gunanya menjadi pemilih berdaftar apabila anda tidak berpelung untuk mengundi? katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau juga menggesa parti politik menghantar pemilih dalam kategori itu, pulang ke kampung halaman masing-masing untuk mengundi kerana kebanyakan mereka 'terkandas' di Semenanjung pada hari mengundi 5 Mei ini.

Katanya sejak MoCS melancarkan program "Bring Home a Voter" pada 28 Mac tahun ini, pihaknya menerima respons daripada lebih 900 pemilih yang memohon penajaan tambang pesawat, tetapi MoCS terpaksa mengecewakan kebanyakan mereka kerana sumber kewangannya yang terhad.

"Sekarang, kami memohon bantuan parti politik untuk menaja tambang mereka. Kebanyakan mereka ialah pelajar, yang akan mengundi untuk kali pertama, golongan pekerja yang masih muda dan pesara," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944258>